

05/03/2002

Kabinet bincang isu tambak laut Rabu

TANJUNG MALIM, Isnin - Beberapa kementerian akan membentangkan laporan mengenai kesan penambakan laut oleh Singapura sehingga menghampiri garisan sempadan perairan negara, kepada Kabinet pada Rabu ini.

Antara yang akan dibentangkan termasuk status sempadan, kemungkinan berlaku perubahan fizikal pada laluan di Selat Tebrau, kedalaman dan arus perairan berdekatan kawasan penambakan serta kesannya terhadap alam sekitar dan perikanan.

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gadam, berkata kementerianya akan membentangkan laporan mengenai persempadanan negara dengan republik berkenaan.

Beliau berkata, walaupun sempadan perairan belum dicerobohi, ada lokasi tertentu penambakan laut terlalu hampir dengan sempadan negara ini.

Sehubungan itu, kementerianya akan mencadangkan kawasan sempadan perairan negara di Johor dengan republik itu ditanda secara lebih jelas.

"Kita akan tentukan supaya persempadanan yang dipersetujui tidak dicerobohi. Kita akan beri maklumat dan nasihat kepada kerajaan mengenai sempadan.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Perhimpunan Bulanan kementerian itu serta menerima projek Institut Tanah dan Ukur Negara (Instun) berharga RM135.5 juta daripada Maju Holdings Sdn Bhd, di institut itu di Behrang Ulu, di sini hari ini.

Kasitah berkata, penandaan yang akan dicadangkan boleh dibuat melalui dua pendekatan, iaitu yang perlu mendapat persetujuan kedua-dua negara atau penandaan yang boleh diputuskan sendiri negara ini.

Kasitah juga berkata, pemetaan sempadan perairan Malaysia-Singapura sudah diwujudkan sejak 1927 dan diterima kedua-dua negara pada Ogos 1995 serta diwartakan pada 1997.

Malaysia juga mempunyai pemetaan sempadannya sendiri dengan republik itu yang dibuat mengikut kehendak konvensyen antarabangsa.

Selain itu, katanya, Singapura tidak memaklumkan sebarang aktiviti penambakan kepada kementerianya dan mengakui ia mungkin merugikan negara daripada aspek ekonomi dan maritim serta memberi kesan sosial dan alam sekitar walaupun dilaksanakan di kawasan republik itu.

Malah, katanya, tindakan itu boleh menyempitkan laluan kapal yang sibuk di perairan berkenaan hingga mungkin menjejaskan kedudukan pelabuhan Tanjung Pelepas di Johor.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas sama ada tindakan Singapura itu sebagai taktik negara itu menjejaskan pelabuhan Tanjung Pelepas yang menjadi pesaingnya.

Sementara itu Kasitah berkata, anggota Kabinet dan anggota pentadbiran dijangka menandatangani Surat Akujanji pada Rabu ini.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual menandatangani Surat Akujanji di hadapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail pada paginya.

"Kami, menteri-menteri akan menandatangani pada tengah hari di hadapan Perdana Menteri," katanya.

Katanya, ia akan diikuti timbalan menteri, setiausaha parlimen dan setiausaha politik.

Kerajaan sebelum ini meminta kira-kira 900,000 kakitangan awam menandatangani Surat Akujanji itu yang bertujuan memastikan mereka menjalankan tugas dan amanah dengan ikhlas.

(END)